

KHUTBAH JUMAAT

“ISRAK DAN MIKRAJ BUKTI KETEGUHAN IMAN DAN KEAGUNGAN SOLAT”

(16 Januari 2026M/ 26 Rejab 1447H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الْغَنِيِّ الْحَمِيدِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ شَهِيدٌ. وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ الْمَبْعُوثُ بِالرَّحْمَةِ وَالْقَوْلِ السَّدِيدِ.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita bersama-sama menjaga diri dengan iman dan takwa. Pastikan setiap tindakan kita selari dengan perintah Allah *subhanahu wata'ala*. Elakkan diri daripada perbuatan yang ditegah-Nya. Binalah kekuatan diri sebagai Mukmin melalui sifat sabar dan ibadah solat. Semoga dengannya, Allah *subhanahu wata'ala* mengurniakan kepada kita kebahagiaan, kesejahteraan dan kemuliaan di dunia dan di akhirat.

Jagalah adab solat Jumaat khususnya ketika khutbah disampaikan. Hindarkan diri daripada bercakap-cakap dan bermain telefon bimbit serta berilah perhatian kepada bicara khutbah yang disampaikan. Mudah-mudahan kita mendapat panduan dan ganjaran pahala yang sempurna. Pada hari ini, khatib akan membicarakan khutbah yang

bertajuk "***Israk dan Mikraj Bukti Keteguhan Iman dan Keagungan Solat***".

Muslimin yang dirahmati Allah,

Peristiwa Israk dan Mikraj adalah bukti kekuasaan Allah *subhanahu wata'ala* dan mukjizat Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam*. Ia memperlihatkan rahmah dan kasih sayang Allah *subhanahu wata'ala* terhadap Rasul-Nya. Israk dan Mikraj ini berlaku pada masa sukar yang dilalui oleh Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* apabila kehilangan dua insan kesayangan yang menjadi tonggak dan dukungan dakwah dan emosi baginda iaitu isterinya, Sayyidatina Khadijah *radiallahu anha*, dan bapa saudaranya, Abu Talib.

Tanpa kedua sosok utama ini, agenda dakwah Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* di Makkah semakin rumit. Tiada lagi perlindungan daripada Abu Talib untuk menghalang ancaman Quraisy terhadap baginda, dan tiada lagi sokongan emosi dari Sayyidatina Khadijah *radiallahu anha* untuk mendakapnya saat baginda mengalami kesedihan dan kesukaran. Baginda *sallallahu alaihi wasallam* cuba menyebarkan dakwahnya di Taif pula, namun ditolak mentah-mentah oleh penduduk Taif pada masa itu.

Pada ketika pintu harapan seakan-akan tertutup baginya, Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* dianugerah dengan sebesar-besar kemuliaan menerusi peristiwa Israk dan Mikraj. Dari Makkah, baginda Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* dibawa ke tempat perhimpunan para nabi *alaihimussalam*, iaitu Masjid al-Aqsa,

sebelum baginda dimikraikan melepasi tujuh petala langit, dan berbicara secara langsung dengan Allah *subhanahu wata'ala*. Di sinilah, Allah *subhanahu wata'ala* mensyariatkan ibadah solat lima waktu bagi kita, umat Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam*.

Muslimin yang berbahagia,

Sesungguhnya, perjalanan Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* daripada Masjidil Haram ke Masjid al-Aqsa, seterusnya melepasi tujuh petala langit dalam satu malam, adalah sesuatu yang tidak mudah diterima oleh sebilangan orang hinggakan sebilangan orang telah meninggalkan Islam kerana menolak kebenaran peristiwa Israk dan Mikraj ini. Al-Muhaddith Doktor Sayyid Muhammad bin Alawi bin Abbas al-Maliki al-Hasani *rahimahullah* dalam kitabnya *al-Anwar al-Bahiyyah 'an Isra' wa Mi'raj Khair al-Bariyyah* menyatakan:

"Justeru, sesungguhnya pendustaan orang kafir dan mereka menganggap sangat tidak mungkin terjadi peristiwa tersebut, juga adanya orang yang murtad merupakan dalil terkuat bahawa mereka faham sesungguhnya Nabi Muhammad sallallahu alaihi wasallam itu melakukan Israk dan Mikraj, dan Rasulullah sallallahu alaihi wasallam menceritakan perjalanan yang hakiki dengan jasadnya dan di dalam keadaan jaga, tidak diragukan lagi."

Sebaliknya, tanpa sedikit pun kesangsian, Sayyidina Abu Bakar *radiallahu anhu* pula menzahirkan keyakinannya pada khabar tersebut, sekaligus membuktikan ketinggian dan keteguhan imannya

kepada Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam*. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah Al-Isra', ayat 1:

سُبْحَنَ الَّذِي أَسْرَىٰ بِعَبْدِهِ ۖ لَيْلًا مِّنَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ إِلَى الْمَسْجِدِ الْأَقْصَا الَّذِي بَارَكْنَا حَوْلَهُ ۚ لِنُرِيَهُ ۚ مِنْ ءَايَاتِنَا ۚ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ

Maksudnya: *Maha Suci Allah yang telah menjalankan hamba-Nya (Muhammad) pada malam hari dari Masjid al-Haram (di Makkah) ke Masjid al-Aqsa (di Palestin), yang Kami berkati sekelilingnya, untuk memperlihatkan kepadanya tanda-tanda (kekuasaan dan kebesaran) Kami. Sesungguhnya, Allah jualah yang Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.*

Muslimin yang dirahmati Allah,

Terlalu banyak pengajaran yang boleh kita pelajari daripada peristiwa Israk dan Mikraj ini. Antaranya, keutamaan sifat sabar dan keyakinan bahawa di sebalik setiap kesukaran, pasti terdapat kemudahan dan hikmah yang mungkin tidak kita ketahui. Pada kesempatan ini, mimbar ingin memberikan tumpuan kepada satu iktibar utama daripada peristiwa Israk dan Mikraj ini, iaitu nilai solat lima waktu dalam kehidupan seorang Muslim.

Sesungguhnya, Israk dan Mikraj memberikan pengajaran bahawa solat yang kita dirikan lima kali dalam sehari, adalah satu-satunya ibadah yang disyariatkan di langit yang tertinggi. Dan kerana rahmat dan kasih sayang Allah *subhanahu wata'ala* begitu ketara kepada kita, umat Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam*, ibadah yang

pada asalnya diwajibkan sebanyak 50 kali dalam sehari, dikurangkan kepada 5 kali sehari, sedangkan pahalanya kekal sama.

Ini adalah anugerah Allah *subhanahu wata'ala* kepada semua hamba-Nya, dikirimkan melalui Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam*, ketika baginda berbicara dengan Tuhan Rabbul 'Alamin, pada hari-hari yang paling sukar dalam hidupnya. Ia mengisyaratkan kepada kita, bahawa ibadah solat perlu menjadi sandaran setiap Muslim. Ia memberikan ketenangan dan kekuatan ketika susah dan senang, tatkala sedih mahupun gembira.

Walaupun kita tidak melalui perjalanan yang dilalui oleh Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam*, namun, Allah *subhanahu wata'ala* telah mengundang kita untuk berbicara dengan-Nya, mengadu, dan meluahkan segala isi hati kita kepada-Nya, melalui ibadah solat yang kita lakukan setiap hari.

Sekiranya Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* dijemput berbicara dengan Allah *subhanahu wata'ala* dalam peristiwa Israk dan Mikraj, kita pula bertandang kepada Allah *subhanahu wata'ala* dan berada paling hampir dengan-Nya dalam solat kita. Daripada Abu Hurairah *radiallahu anhu* bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda:

((أَقْرَبُ مَا يَكُونُ الْعَبْدُ مِنْ رَبِّهِ وَهُوَ سَاجِدٌ فَأَكْثِرُوا الدُّعَاءَ))

Maksudnya: *Seorang hamba adalah paling hampir dengan Tuhan-Nya saat dia bersujud, maka perbanyakkanlah berdoa apabila bersujud.*

(Hadis riwayat Imam Muslim)

Dalam memperingati peristiwa Israk dan Mikraj ini, wajar untuk kita bermuhasabah, adakah ibadah solat yang kita lakukan setiap hari menjadikan kita seorang Muslim yang lebih tenang, lebih baik, lebih kuat dan cekal jati diri? Ataupun masih lagi ada ruang untuk diperbaiki, dari segi kekhusyukan dan penghayatan di hati? Bersama-samalah kita bermuhasabah sejauh mana penghayatan kita terhadap ibadah yang paling dasar dan utama dalam hidup kita sebagai Muslim ini.

Semoga Allah *subhanahu wata'ala* menjadikan kita hamba-hamba-Nya yang benar-benar menjadikan ibadah solat sebagai sandaran, istiqamah melaksanakannya dalam setiap keadaan. Dengan itu, semoga Allah *subhanahu wata'ala* mengurniakan kepada kita kemuliaan dan kejayaan di dunia dan di akhirat.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Sebelum mengakhiri khutbah, marilah kita bersama-sama mengambil pengajaran dan penghayatan daripada khutbah ini, antaranya ialah:

Pertama: Peristiwa Israk dan Mikraj adalah bukti kekuasaan Allah *subhanahu wata'ala* dan mukjizat Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam*.

Kedua: Umat Islam perlu menyemai dan menyuburkan sifat sabar dan keyakinan bahawa di sebalik setiap kesukaran, pasti terdapat kemudahan dan hikmah yang disediakan oleh Allah *subhanahu wata'ala*.

Ketiga: Peristiwa Israk dan Mikraj ini memberi isyarat kepada kita bahawa setiap Muslim hendaklah menjadikan sabar dan solat sebagai sandarannya dalam memohon bantuan Allah *subhanahu wata'ala* yang akan memberikan ketenangan dan kekuatan ketika susah dan senang, tatkala sedih mahupun gembira.

Akhirnya, marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam al-'Ankabut, ayat 45:

أَعُوْذُ بِاللّٰهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيْمِ. بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ.
أَتْلُ مَا أُوحِيَ إِلَيْكَ مِنَ الْكِتَابِ وَأَقِمِ الصَّلَاةَ ۖ إِنَّ الصَّلَاةَ تَنْهَىٰ عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ ۚ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ ۚ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ (٤٥)

Maksudnya: *Bacalah serta ikutlah (wahai Muhammad) akan apa yang diwahyukan kepadamu dari al-Quran, dan dirikanlah sembahyang (dengan tekun); sesungguhnya sembahyang itu mencegah dari perbuatan yang keji dan mungkar; dan sesungguhnya mengingati Allah adalah lebih besar (faedahnya dan kesannya); dan (ingatlah) Allah mengetahui akan apa yang kamu kerjakan.*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، أَقُولُ
قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Pada musim hujan ini, khatib menyeru agar kita sentiasa berwaspada dan mematuhi nasihat yang diberikan oleh pihak berkuasa dari semasa ke semasa sama ada yang berkaitan dengan kemungkinan banjir mahupun keadaan perairan untuk apa sahaja aktiviti.

Pada masa yang sama, istiqamahlah mengimarahkan masjid dan surau dengan solat fardu berjemaah dan majlis-majlis ilmu. Bimbinglah ahli keluarga kita agar tetap menjaga solat lima waktu.

Perkukuhkanlah perpaduan dengan sikap saling menghormati dan bekerjasama sesama masyarakat. Inilah asas kestabilan, kemakmuran dan keharmonian Sarawak dan negara kita, Malaysia. Pastikan juga rezeki yang kita perolehi adalah halal lagi baik, kerana makanan yang halal adalah sumber keberkatan hidup. Daripada Abu Hurairah *radiallahu anhu* bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* telah bersabda:

((أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّ اللَّهَ طَيِّبٌ لَا يَقْبَلُ إِلَّا طَيِّبًا ...))

Maksudnya: *Wahai manusia! Sesungguhnya Allah itu Maha Baik, dan Dia tidak menerima melainkan yang baik.*

(Hadis riwayat Imam Muslim)

Hidup beragama bukan hanya pada ibadah, tetapi juga dengan menjauhi perkara yang memudaratkan. Justeru, hendaklah kita menjauhkan diri dan keluarga daripada gejala penyalahgunaan dadah, perjudian dan segala bentuk maksiat. Semua ini hanya membawa kepada kehancuran hidup dan meruntuhkan masa depan kita dan umat.

Pada hari yang mulia ini juga, perbanyakkanlah selawat ke atas Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam* seperti yang diperintahkan oleh Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Ahzab, ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

Maksudnya: *Sesungguhnya Allah dan malaikat-Nya berselawat (memberi segala penghormatan dan kebaikan) kepada Nabi (Muhammad sallallahu alaihi wasallam); wahai orang yang beriman, berselawatlah kamu kepadanya serta ucapkanlah salam sejahtera dengan penghormatan yang sepenuhnya.*

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ
عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمُهَدِّينَ، سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ
وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim, bantulah saudara-saudara kami di mana sahaja mereka berada, khususnya di bumi Palestin. Kurniakanlah mereka perlindungan, keamanan, dan kemenangan. Angkatlah segala penderitaan, kesedihan, peperangan dan permusuhan daripada mereka dengan rahmat-Mu, wahai Tuhan Yang Maha Pengasih.

Ya Allah, Ya Ghaffaar, ampunilah segala dosa-dosa kami, ibu bapa kami, keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kepada kami kesejahteraan dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah, Kurniakanlah kecemerlangan pendidikan kepada anak-anak kami dalam apa sahaja bidang yang mereka ceburi. Tambahkan ilmu yang bermanfaat kepada mereka, suburkanlah

jiwa mereka dengan akhlak yang mulia dan terpuji, Jadikanlah anak-anak kami pemimpin dalam kalangan orang yang bertakwa.

Ya Allah, Ya Hadi, Ya Hakim, berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah, Ya Hafiz, Jadikanlah kami umat yang berintegriti, bersatu-padu, dan umat yang terbilang dalam semua bidang yang kami ceburi demi mendukung negara yang maju dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu, ya Allah. Kekalkanlah perpaduan kami atas pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Limpahkanlah nikmat keselamatan, kesihatan, dan ketenangan, serta lindungilah kami daripada segala musibah, wabak dan bala yang tidak diingini.

اللَّهُمَّ بَارِكْ لَنَا فِي رَجَبٍ وَشَعْبَانَ وَبَلِّغْنَا رَمَضَانَ.
رَبَّنَا أَتْنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ،
أَمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ
يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ. وَلَذِكْرُ
اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.